



PERDANA LIBRARY  
 PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
 NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Harakah
Date	26/4/2013

# RM4,364 untuk setiap pengundi

*Harakah - 26/4/2013*

**KUALA LUMPUR:** Seorang penganalisis politik terkemuka rantau Asia Tenggara, membuat penganggaran bahawa Perdana Menteri sementara, Dato' Seri Najib Razak telah membelanjakan sebanyak RM58 bilion atau RM4,363 setiap pengundi untuk PRU13.



**Dr Bridget Welsh**

Dr Bridget Welsh, seorang Profesor Madya Sains Politik menulis dalam artikelnya di Malaysia berkata, perangkaan tersebut datang daripada analisis beliau dalam 4,000 sumber

berita sejak 2009 dan kajian terhadap tiga bajet dan bajet tambahan dari 2010 se-

hingga 2013.

"Saya secara konservatif menganggar bahawa pentadbiran beliau (Najib) telah membelanjakan RM57.7 bilion bermula dari hari beliau menjadi Perdana Menteri sehingga sebelum Parlimen dibubarkan dalam insentif pilihan raya," tulis beliau.

Bridget berkata, Najib telah membelanjakan RM46.7 bilion dalam pembangunan sasaran berjanji dan RM11.0 bilion dalam program 1Malaysia.

"Dua komponen terbesar ini adalah bersifat pengagihan sasaran politik dan perbelanjaan 1Malaysia. Langkah-langkah ini berunsur politik, kerana bukan sahaja mereka dicanang dalam bentuk politik, ia juga disebarkan sebagai sebab-sebab untuk mengundi BN di peti undi nanti," kata beliau.

Bridget berkata, perbelanjaan terbesar bukannya datang daripada RM5.6 bilion yang digunakan untuk Bantuan Rakyat 1Malaysia

(BR1M) tapi di atas langkah-langkah populis yang lain seperti kenaikan gaji dan pembinaan sekolah menggunakan duit daripada pejabat Perdana Menteri.

"Dalam erti kata lain, anggaran itu mencadangkan bahawa pentadbiran Najib telah membelanjakan kira-kira RM4,363 setiap pengundi setakat ini.

"Setakat ini, ini adalah pilihan raya termahal di Malaysia. Memandangkan bahawa wang juga diperuntukkan kepada calon-

calon untuk kempen, lebih banyak wang akan digunakan," beliau memberikan amaran.

Najib, kata beliau, sekarang boleh dikatakan terlibat dalam pilihan raya termahal di Asia Tenggara.

Sebelum ini, ada satu laporan Maybank bertarikh 19 Mac menyatakan bahawa Jabatan Perdana Menteri telah membelanjakan sebanyak RM36.1 juta untuk menaikkan imej pentadbirannya di mata rakyat menerusi pengkilanan.